

13 Oktober 2023

Prospek Pasaran | Strategi Pasaran

Strategi Pasaran

Belanjawan 2024: Reformasi Dan Pemerkasaan Rakyat

Saham Dikaji 148
 Penarafan (Beli/Neutral/Jual): 83 / 56 / 9
 Trend Semakan Perolehan 12b Lalu: Negatif

- **Beberapa kejutan.** Belanjawan persekutuan yang berkembang untuk 2024 menyaksikan rekod baharu dalam peruntukan berjumlah MYR393.8bn, namun ia mengandungi beberapa kejutan yang tidak dimaklumkan kepada pasaran sebelum ini. Tema-tema membabitkan penghematan fiskal, rasionalisasi subsidi, usaha untuk meluaskan asas cukai dan program sokongan sosial yang menjadi kebiasaan. Kadar Cukai Jualan & Perkhidmatan (SST) dinaikkan menjadi 8% dan skopnya diluaskan, manakala cukai keuntungan modal dan barangan mewah dibangkitkan tahun lalu. Langkah paling mudah menjadi pilihan, dengan usaha-usaha e-invois dan penguatkuasaan lebih ketat bagi mencegah ketirisan. Belanjawan kali ini terlepas peluang untuk memajukan lagi agenda reformasi, manakala garis masa dan mekanisme rasionalisasi subsidi masih kurang jelas.
- **Pengguna.** Dengan kurangnya kejutan besar, Belanjawan 2024 mengandungi langkah-langkah yang mesra pengguna, termasuklah pakej pemberian tunai lebih besar (+25%) dan insentif buat penjawat awam. Kenaikan kadar SST dan langkah-langkah untuk merasionalkan subsidi mungkin tidak akan menghambat perbelanjaan pengguna dengan ketara. Sementara itu, kami percaya penamatan kawalan harga terhadap barangan ternakan ayam itik memberikan kesan neutral terhadap industri, manakala moratorium cukai mudarat (sin tax) dan janji untuk menegakkan penguatkuasaan menjadi faktor positif buat saham mudarat.
- **Pembinaan.** Peruntukan untuk belanja pembangunan (DE) teras pada 2024F ialah MYR90bn, berbanding kira-kira MYR83bn (tidak termasuk penebusan bon 1MDB sekitar MYR14bn) pada 2023 – iaitu naik 8% YoY. Peratusan DE yang diperuntukkan kepada subsektor pengangkutan meningkat kepada 21.3% pada 2024F, daripada 18.1% pada 2023. Kebanyakan projek yang ditonjolkan telah disebut dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-12, termasuk Lebuhraya Pan Borneo Sabah, Fasa 1B (MYR15.7bn), Sarawak-Sabah Link Road Fasa 2 (MYR7.4bn) dan Transit Aliran Ringan Pulau Pinang (LRT; anggaran asal MYR10bn). Walaupun Transit Aliran Massa (MRT) 3 tidak disebut, kami ambil maklum bahawa projek-projek MRT lalu bukan sebahagian daripada peruntukan DE tetapi dibiayai melalui terbitan bon kerajaan.
- **Hartanah.** Kami optimis akan langkah pelonggaran garis panduan Malaysia Rumah Keduaku (MM2H), meskipun tiada butiran lanjut diberikan. Sebelum ini, garis panduan yang lebih ketat dilaporkan menyebabkan bilangan pemohon jatuh 90%. Oleh itu, projek-projek di wilayah Pulau Pinang, KLCC dan Mont' Kiara (di Kuala Lumpur) dan Iskandar Malaysia (di Johor) akan menerima manfaat, kerana kawasan-kawasan ini lazimnya menjadi pilihan warga asing. UEM Sunrise, Sunway, dan Eastern & Oriental bakal menjadi penerima manfaat ini.
- **Strategi.** Pemacu utama buat ekuiti membabitkan perkembangan makroekonomi dunia, pandangan dasar monetari AS, pemulihan ekonomi China, prestasi mata wang MYR/USD, keadaan perolehan korporat, dan perkembangan agenda reformasi fiskal. Pemangkin penilaian semula yang dapat mengubah keadaan masih tidak kelihatan, lantas memerlukan penekanan dan tumpuan perdagangan lebih besar pada sektor-sektor tematik dan sektor-sektor lain yang mengikut situasi tertentu, di samping mengambil pendirian teras yang selamat. Kami berikan saranan WAJARAN TINGGI pada sektor-sektor minyak & gas (O&G), utiliti, bahan asas, institusi kewangan bukan bank (NBFI), penjagaan kesihatan, pembinaan, dan hartanah. Kami kekalkan sasaran FBM KLCI akhir 2023 pada 1,500 mata, yang diperolehi dengan mengenakan P/E sasar 15x (-0.5SD berbanding min) pada EPS FY24F.

Penganalisis

Alexander Chia
 +603 9280 8889
alexander.chia@rhbgroup.com



*Nota: Laporan terjemahan Bahasa Malaysia ini merupakan versi ringkas bagi laporan asal dalam bahasa Inggeris dan diguna pakai untuk menyampaikan maklumat sahaja. Penerima dinasihatkan untuk merujuk laporan asal dalam bahasa Inggeris untuk butiran lanjut, dan untuk penafian penyelidikan dan pendedahan rasmi. Walaupun laporan terjemahan Bahasa Malaysia disediakan, laporan asal dalam bahasa Inggeris hendaklah diberi keutamaan sekiranya berlaku sebarang persoalan tentang pentafsiran, percanggahan ataupun dalam hal yang lain.

Pautan kepada laporan bahasa Inggeris:
[Budget 2024: Reform And Empowering The Rakyat \(13 Okt 2023\)](#)

Company Name	Rating	Target (MYR)	% Upside (Downside)	P/E (x) Dec-24F	P/B (x) Dec-24F	ROAE (%) Dec-24F	Yield (%) Dec-24F
CIMB	Buy	6.88	21.6	8.7	0.9	10.3	6.4
Dayang Enterprise	Buy	2.47	32.1	11.4	1.3	10.7	1.6
Gamuda	Buy	5.31	15.4	12.2	1.1	8.9	2.6
Hong Leong Bank	Buy	23.30	19.5	9.6	1.0	11.3	3.3
IOI Properties	Buy	2.10	16.2	12.4	0.4	3.5	3.5
Malaysia Airports	Buy	8.70	17.7	17.6	1.5	8.7	2.7
Solarvest	Buy	1.53	14.4	22.3	3.5	16.9	-
Sunway	Buy	2.67	37.4	14.8	0.9	6.0	2.8
Ta Ann	Buy	4.10	24.3	6.1	0.7	12.4	7.6
Tenaga Nasional	Buy	12.00	19.8	11.9	0.9	7.8	4.9
Time dotCom	Buy	6.00	15.2	18.5	2.4	13.3	4.3
UEM Sunrise	Buy	0.92	10.4	48.7	0.6	1.2	-
YTL Power	Buy	2.43	19.7	9.7	0.9	9.5	3.1

13 Oktober 2023

Prospek Pasaran | Strategi Pasaran

Rajah 1: Gambaran perolehan dan penilaian

Composite Index @ 1,444.14 13 Oct 2023	FBM KLCI			RHB basket			RHB basket (ex-FBM KLCI)		
	2022	2023F	2024F	2022	2023F	2024F	2022	2023F	2024F
Revenue growth (%)	15.4	1.9	3.9	17.8	3.9	5.1	11.8	5.0	2.5
EBITDA growth (%)	9.2	(4.5)	5.7	9.8	(4.0)	5.7	(22.2)	9.3	7.3
Normalised earnings growth (%)	7.2	(0.2)	8.8	5.1	0.4	8.9	(32.1)	17.0	10.8
Total PATAMI (MYRm)	60,460.6	58,710.0	64,172.5	82,869.7	79,722.5	88,967.2	22,409.1	21,012.5	24,794.7
Normalised EPS (sen)	60.6	59.0	63.5	340.4	340.3	370.9	29.7	160.4	179.7
Normalised EPS Growth (%)	10.8	(2.0)	7.7	17.1	(0.0)	9.0	32.8	(0.3)	12.0
Prospective P/E (x)	14.9	15.8	14.5	15.0	15.9	14.2	13.1	14.8	13.0
Normalised EPS (sen) ex-plantation	57.9	59.7	64.4	49.1	50.4	54.4	28.8	25.2	27.4
Normalised EPS Growth (%) ex-plantation	8.9	3.7	7.9	11.3	2.6	8.0	33.7	(3.8)	9.0
Prospective P/E (x) ex-plantation	13.6	14.5	13.3	14.2	14.8	13.2	12.9	15.4	13.1
Price/BV (x)	1.4	1.5	1.4	1.4	1.3	1.3	1.0	1.0	1.0
Dividend yield (%)	4.1	4.0	4.1	4.0	4.2	4.2	4.2	4.2	3.7
ROE (%)	15.5	14.2	14.8	15.4	14.4	15.0	16.9	14.7	15.7

Nota: Tidak termasuk saham FBM KLCI yang tiada di bawah liputan RHB Research, iaitu Hong Leong Financial Group, RHB Bank, dan PPB
Sumber: Bloomberg, RHB

Rajah 2: FBM KLCI – perwajaran dan penilaian

	Market Cap	Weight	EPS Growth (%)			P/E (x)		
	MYRbn	(%)	FY22	FY23F	FY24F	FY22	FY23F	FY24F
CIMB	60.4	6.50	19.7	8.8	7.9	10.2	9.4	8.7
Hong Leong Bank	42.1	4.53	14.9	16.1	5.9	12.1	10.4	9.8
Malayan Banking	108.3	11.65	(1.2)	11.7	5.9	13.1	11.7	11.0
Public bank	80.9	8.71	8.5	11.1	4.7	13.5	12.1	11.6
AMMB^	12.9	1.39	15.1	(6.4)	11.8	7.4	8.0	7.1
Banking	304.6	32.78	11.7	10.6	6.8	12.0	10.9	10.2
Press Metal	40.1	4.32	39.8	8.0	30.7	28.1	26.0	19.9
Basic Materials	40.1	4.32	39.8	8.0	30.7	28.1	26.0	19.9
Nestle (M)	29.1	3.13	16.1	8.6	5.9	43.8	40.4	38.1
Mr DIY	14.9	1.60	11.1	18.2	14.8	30.5	25.8	22.4
QL Resources	13.5	1.45	59.6	11.0	3.9	38.8	35.0	33.6
Consumer	57.4	6.18	17.5	8.8	6.0	38.4	34.2	31.5
IHH Healthcare	52.5	5.65	(8.3)	2.5	10.1	37.3	36.4	33.1
Healthcare	52.5	5.65	(8.3)	2.5	10.1	37.3	36.4	33.1
Westports	10.9	1.17	(4.8)	5.4	6.7	15.5	14.8	13.8
Transport	10.9	1.17	(4.8)	5.4	6.7	15.5	14.8	13.8
Dialog	11.8	1.28	(0.2)	0.5	10.7	25.8	25.7	23.2
MISC	31.9	3.43	64.0	(2.6)	14.1	15.3	15.7	13.8
Petronas Dagangan	22.5	2.42	37.8	31.5	2.4	29.8	22.6	22.1
O&G	125.1	13.46	15.8	(11.0)	11.6	12.8	19.9	16.4
IOI Corp	24.3	2.61	81.3	(23.0)	(11.1)	12.3	15.9	17.9
Sime Darby Plantation	29.3	3.15	(0.2)	(51.8)	50.0	13.7	28.4	18.9
Plantation	77.0	8.29	27.2	(42.6)	4.9	11.9	19.9	18.1
Axiata	22.4	2.41	19.7	(65.8)	65.5	13.9	40.7	24.6
CelcomDigi	51.4	5.53	6.1	(27.0)	10.7	28.3	38.8	35.0
Maxis	31.2	3.36	(9.7)	10.9	(9.0)	26.5	23.9	26.3
Telecommunication	124.3	13.37	9.0	(4.3)	2.5	19.7	24.8	23.3
Petronas Gas	34.0	3.66	(14.7)	5.0	0.5	19.7	18.8	18.7
Tenaga	58.0	6.24	(9.8)	9.9	11.4	14.5	13.2	11.9
Utilities	92.0	9.90	(12.6)	7.2	5.4	16.1	14.9	13.7
FBM KLCI	929.3	100.00	10.8	(2.0)	7.7	14.9	15.8	14.5

Sumber: Bloomberg, RHB

13 Oktober 2023

Prospek Pasaran | Strategi Pasaran

Rajah 3: Senarai BELI utama

	FYE	Price (MYR/s)	TP (MYR)	Shariah compliant	Market cap (MYRm)	EPS (sen)		EPS growth (%)		3-yr EPS CAGR (%)	P/E (x)		P/BV (x)		P/CF (x)	DY (%)
						FY23F	FY24F	FY23F	FY24F		FY23F	FY24F	FY23F	FY24F		FY24F
13 Oct 2023																
CIMB	Dec	5.66	6.88	NO	60,364	60.5	65.2	8.8	7.9	12.0	9.4	8.7	0.9	n.a.	n.a.	6.4
Tenaga Nasional	Dec	10.02	12.00	YES	57,989	75.9	84.5	9.9	11.4	3.3	13.2	11.9	0.9	2.8	2.8	4.9
Hong Leong Bank	Jun	19.42	23.20	NO	42,097	186.4	197.3	16.1	5.9	12.2	10.4	9.8	1.1	n.a.	n.a.	3.2
YTL Power	Jun	2.03	2.43	NO	16,447	25.1	22.2	440.3	(11.5)	67.5	8.1	9.1	0.9	9.9	9.9	3.3
Gamuda	Jul	4.60	5.31	YES	12,405	32.3	35.6	3.8	10.2	15.0	14.2	12.9	1.1	(29.5)	(29.5)	2.6
Malaysia Airports	Dec	7.39	8.70	NO	12,331	27.5	42.0	143.7	52.9	(196.9)	26.9	17.6	1.5	4.9	4.9	2.7
IOI Properties	Jun	1.81	2.10	NO	9,966	15.8	13.9	60.4	(11.8)	3.8	11.5	13.0	0.4	9.3	9.3	3.3
Time dotCom	Dec	5.21	6.00	YES	9,622	25.1	28.1	7.7	11.8	10.9	20.7	18.5	2.4	14.9	14.9	4.3
Sunway	Dec	1.94	2.67	YES	9,612	12.2	13.1	5.5	7.8	42.6	15.9	14.8	0.9	14.3	14.3	2.8
DXN^	Feb	0.63	0.93	YES	3,116	6.7	7.6	10.1	14.7	16.8	9.4	8.2	2.2	7.2	7.2	6.1
Dayang Enterprise	Dec	1.87	2.47	YES	2,165	13.1	16.5	31.6	26.0	63.2	14.3	11.4	1.3	8.4	8.4	1.6
Kerjaya Prospek	Dec	1.40	1.56	YES	1,765	10.7	13.0	17.1	20.7	18.3	13.0	10.8	1.3	10.9	10.9	6.3
Ta Ann	Dec	3.30	4.10	YES	1,454	40.5	53.7	(45.1)	32.8	(5.6)	8.2	6.1	0.7	3.6	3.6	7.6
Solarvest^	Mar	1.34	1.53	YES	896	3.0	4.9	184.2	64.7	29.4	45.4	27.6	4.0	13.9	13.9	0.0

Nota: ^Penilaian FY23F-24F merujuk penilaian FY24F-25F
Sumber: RHB

Rajah 4: Senarai JUAL utama

	FYE	Price (MYR/s)	TP (MYR/s)	Shariah- compliant	Market cap (MYRm)	EPS (sen)		EPS growth (%)		3-yr EPS CAGR (%)	P/E (x)		P/BV (x)		P/CF (x)	DY (%)
						FY23F	FY24F	FY23F	FY24F		FY23F	FY24F	FY23F	FY24F		FY24F
13 Oct 2023																
GDEX	Dec	0.20	0.13	YES	1,108	(0.5)	(0.5)	(54.1)	(7.2)	(203.1)	n.m.	n.m.	3.0	39.5	39.5	1.0
Sapura Energy^	Jan	0.06	0.02	YES	879	(1.4)	(1.8)	(54.9)	(21.3)	(53.8)	n.m.	n.m.	(0.3)	15.5	15.5	0.0
Kotra Industries	Jun	5.20	4.70	YES	771	47.7	44.5	18.8	(6.8)	40.1	10.9	11.7	2.5	14.3	14.3	4.3
Tan Chong	Dec	1.04	0.78	YES	678	(6.3)	(7.3)	(13.1)	(16.9)	31.0	n.m.	n.m.	0.2	7.9	7.9	1.4
Econpile	Jun	0.36	0.14	YES	510	(2.5)	1.0	18.5	140.8	6.4	n.m.	36.0	1.3	3.5	3.5	0.7
Advancecon	Dec	0.30	0.26	YES	170	0.4	0.7	108.1	66.0	9.0	74.6	44.9	0.8	(7.7)	(7.7)	0.4

Nota: ^Penilaian FY23F-24F merujuk penilaian FY24F-25F
Sumber: RHB

Rajah 5: Wajaran & penilaian sektor bagi Keranjang RHB

Sectors	Mkt Cap MYRbn	Weight %	EPS Growth (%)			P/E (x)			Recommendation
			FY22	FY23F	FY24F	FY22	FY23F	FY24F	
O&G	140.4	11.1	16.2	5.0	15.6	12.8	19.4	15.3	Overweight
Utilities	115.2	9.1	(8.9)	9.7	11.3	16.8	14.1	12.8	Overweight
Healthcare	60.6	4.8	58.9	9.5	1.3	33.7	31.9	28.9	Overweight
Basic Materials	47.2	3.7	19.1	17.2	19.8	27.6	25.1	19.6	Overweight
Property	43.0	3.4	5.0	17.7	5.8	17.2	14.3	14.0	Overweight
Construction	27.4	2.2	(18.4)	0.4	30.2	19.1	17.3	14.9	Overweight
Non-Bank Financials	16.9	1.3	5.3	6.7	5.7	10.6	9.8	9.3	Overweight
Banking	319.9	25.2	10.9	9.3	7.1	11.8	10.7	10.1	Neutral
Telecommunications	134.3	10.6	10.4	(1.3)	5.0	19.9	24.3	22.8	Neutral
Consumer	101.6	8.0	38.2	0.6	10.4	23.3	22.2	19.5	Neutral
Plantation	92.4	7.3	24.0	(44.4)	12.5	9.8	18.2	16.1	Neutral
Property-REITs	34.1	2.7	25.4	3.1	3.0	16.5	15.8	15.3	Neutral
Gaming	33.6	2.6	346.4	51.9	6.7	16.1	10.1	9.3	Neutral
Technology	28.8	2.3	17.8	(23.1)	42.3	23.9	38.9	29.2	Neutral
Auto	26.1	2.1	55.3	8.1	(12.5)	12.2	11.9	12.3	Neutral
Transport	25.7	2.0	207.5	63.2	41.0	28.6	20.6	16.0	Neutral
Rubber Products	18.5	1.5	(87.7)	(112.0)	329.3	13.1	n.m.	74.3	Neutral
Media	2.9	0.2	(28.2)	(11.8)	6.8	8.8	8.4	7.7	Neutral
RHB BASKET	1268.6	100.0	17.1	(0.0)	9.0	15.0	15.9	14.2	

Sumber: RHB

Rumusan Sektor

Pembinaan – Secara amnya dalam jangkaan

WAJARAN TINGGI

Kami kekalkan saranan WAJARAN TINGGI terhadap sektor. Peruntukan belanja pembangunan (DE) persekutuan sejumlah MYR90bn untuk 2024 menandakan penurunan 7.2% daripada DE sebanyak MYR97bn yang diperuntukkan pada 2023. Sungguhpun begitu, DE teras pada 2023 ialah kira-kira MYR83bn selepas menolak kira-kira MYR14bn yang digunakan untuk menebus bon 1MDB. Maka, DE MYR90bn untuk 2024 sebenarnya 8.4% lebih tinggi daripada DE teras 2023. Kami juga dapati bahawa DE persekutuan 2023 masih kurang dibelanjakan – hanya 46% daripada MYR97bn telah dibelanjakan setakat Jun. Oleh itu, kami tidak menolak kemungkinan adanya lebih peruntukan DE ke 2024 dari 2023.

Setelah diteliti lebih lanjut, peratusan peruntukan DE kepada subsektor pengangkutan meningkat kepada 21.3% pada 2024 (2023: 18.1%). DE bagi segmen pengangkutan sejumlah MYR19bn untuk 2024 mencatatkan kenaikan 9% YoY dan CAGR tiga tahun 13.8%. Projek-projek baharu utama di bawah peruntukan ini termasuklah pembinaan laluan tambahan untuk Lebuhraya PLUS dari Yong Peng Utara ke Sedenak Fasa 2 dan juga menaik taraf jalan raya di Bandar Baru Tujong di Kelantan dan jalan-jalan dari Sebayang ke Kudat di Sabah.

Meskipun MRT3 tidak disebut, kami ambil maklum bahawa projek-projek MRT dianggap sebagai perkara luar belanjawan – menurut Menteri Pengangkutan Anthony Loke Siew Fook berdasarkan artikel [dalam The Edge](#). [Laporan oleh akhbar Straits Times](#) juga berkata projek-projek ini dibiayai oleh DanaInfra Nasional – sebuah firma yang dimiliki oleh Kementerian Kewangan. Tambahan lagi, jumlah penumpang bulanan bagi Laluan MRT Kajang dan Putrajaya telah mencecah tahap tertinggi iaitu 5.9j dan 3.1j penumpang pada Ogos. Paras penumpang yang tinggi ini mewajarkan pengembangan sistem pengangkutan awam di Lembah Klang melalui laluan lingkaran MRT3. Satu-satunya isu yang belum selesai mengenai projek MRT3 ialah semakan kos, yang diumumkan pada Februari semasa pembentangan semula Belanjawan 2023.

Projek-projek pengangkutan yang ditonjolkan membabitkan pelaksanaan semula pembinaan lima stesen LRT3 yang dibatalkan sebelum ini (Tropicana, Raja Muda, Temasya, Bukit Raja, dan Bandar Botanik) bernilai MYR4.7bn. Imbas kembali: Malaysian Resources Corp (MRC MK, BELI, TP: MYR0.55) ialah kontraktor utama untuk projek LRT3, yang telah siap sekitar 86% (perkembangan kewangan setakat 3Q23) – tidak termasuk pelaksanaan semula lima stesen yang dibatalkan sebelum ini. Berdasarkan pakej-pakej kerja subkontraktor untuk LRT3 sebelum ini, kami menjangka Gabungan AQRS (AQRS MK, BELI, TP: MYR0.43) mungkin akan mendapat manfaat daripada pelaksanaan semula stesen Temasya kerana stesen ini asalnya sebahagian daripada pakej kerjanya sebelum pengurangan kos dibuat pada Jul 2018. Stesen-stesen lain yang dibina oleh AQRS ialah Persiaran Kerjaya dan Stadium Shah Alam.

Projek LRT yang dicadangkan yang menghubungkan Pulau Pinang dengan Seberang Perai juga disebut dengan anggaran awal kos sejumlah MYR10bn melalui model kerjasama awam-swasta. Kementerian Pengangkutan sedang memuktamadkan butiran untuk projek LRT ini dengan rakan kongsi penyiapan projek bagi Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang atau PDP, iaitu SRS Consortium, sebuah anak syarikat Gamuda (GAM MK, BELI, TP: MYR5.31). Hal ini disebut dalam artikel oleh [The Star](#). Syarikat-syarikat lain yang berpotensi menyertai projek ini mungkin melibatkan kontraktor yang mempunyai pengalaman pembinaan kereta api, misalnya Sunway Construction (SCGB MK, BELI, TP: MYR2.22) dan MRC. Projek ini sebenarnya telah merekodkan kemajuan dengan MRT Corp mengiklankan permintaan untuk cadangan bagi kerja-kerja perkhidmatan rundingan reka bentuk pada Ogos.

Berhubung dengan pengurusan bencana alam, 33 projek tebatan banjir bernilai MYR11.8bn dirancang untuk dilaksanakan pada 2024 di beberapa negeri – Sungai Langat Fasa 2 (Selangor), Lembangan Sungai Pahang (Pahang), Sungai Likas (Sabah), Kuching Fasa 2 (Sarawak), dan Baling Fasa 2 (Kedah) antara lain. Imbas kembali: Jumlah MYR11.8bn ini merupakan sebahagian daripada MYR22bn yang diperuntukkan buat projek tebatan banjir di bawah Rancangan Malaysia Ke-12. Surat-surat penerimaan bagi 23 projek pertama bernilai MYR5.1bn dijangka akan dikeluarkan mulai Okt 2023. Sementara itu, surat-surat penerimaan bagi projek tebatan banjir selebihnya bernilai MYR6.7bn bakal dikeluarkan pada 1Q24. Kontraktor-kontraktor yang mungkin dilantik ialah MRC, yang telah pralayah untuk salah satu projek tebatan banjir di Selangor.

Belanjawan 2024 juga memperuntukkan MYR1.1bn bagi usaha-usaha bekalan air bersih terutamanya di Kelantan, Sabah, dan Labuan. Salah satu daripada pelan utama membabitkan pembinaan fasa pertama loji rawatan air di Machang (250j liter sehari).

Kontraktor yang berpengalaman dalam projek berkaitan air ialah Gamuda dan Taliworks (TWK MK, BELI, TP: MYR1.05), yang sekarang terlibat dalam Peringkat 1 loji rawatan air Sungai Rasau.

Sarawak dan Sabah menerima peruntukan lebih tinggi sebanyak MYR5.8bn (2023: MYR5.6bn, 2022: MYR4.6bn) dan MYR6.6bn (2023: MYR6.5bn, 2022: MYR5.2bn). Apabila diteliti dengan lebih lanjut, proses tender bagi 19 pakej kerja untuk Fasa 1B Lebuhraya Pan Borneo (PBH) Sabah (sepanjang 366km) bernilai MYR15.7bn dijangka dimuktamadkan November ini. Kami dapati bahawa Gamuda telah menyatakan minat untuk menyertai PBH Sabah Fasa 1B. Begitu juga dengan Sarawak-Sabah Link Road (SSLR) Fasa 2 sepanjang 320km bernilai MYR7.4bn yang mungkin akan dilaksanakan sebelum akhir 2023. Setakat ini, Kimlun Corp (KICB MK, TIADA SARANAN) sedang terlibat dalam SSLR Fasa 1 dengan kontrak bernilai MYR780j – projek ini sudah siap 14% setakat Apr 2023 (sasaran siap: Jan 2026).

Peluang-peluang lain mungkin muncul daripada 26 sekolah baharu di bawah sektor pendidikan bernilai MYR2.5bn yang dijangka akan dibina di negeri-negeri seperti Sabah, Sarawak, Pahang, Kelantan, dan Perak. Kontraktor yang mempunyai rekod prestasi dalam pembinaan sekolah ialah AQRS, yang sedang terbabit dalam pembinaan 24 buah bilik darjah di sebuah sekolah kebangsaan di Bandar Enstek bernilai MYR66.6j.

Terdapat juga beberapa projek pembinaan hospital yang mungkin menyaksikan pelibatan kontraktor-kontraktor tersenarai. Beberapa projek hospital utama yang dirancang untuk 2024 termasuk fasa pertama kompleks hospital pengajar bagi Universiti Sains Islam Malaysia di Kota Tinggi (Johor; anggaran kos: MYR938j) dan kerja-kerja awal untuk Hospital Sultanah Aminah 2 di Johor Bahru. IJM Corp (IJM MK, NEUTRAL, TP: MYR1.99) merupakan kontraktor yang pernah terdedah kepada pembinaan hospital – ia dianugerahkan kontrak bernilai MYR831j untuk membina sebuah hospital kerajaan di Kapar (Klang) pada 2022.

Laporan Gambaran Ekonomi Menteri Kewangan 2024 memetik bahawa usaha-usaha juga akan dijalankan untuk mempercepat pelaksanaan sistem levi berbilang peringkat (MTLS) dan juga menggalakkan majikan untuk memberikan lebih banyak peluang pekerjaan kepada warga tempatan bagi mengurangkan kebergantungan pada pekerja asing – termasuk dalam sektor pembinaan. Perkara ini berada dalam jangkaan kami, kerana MTLS disebut dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 pada September. Ia juga telah dibangkitkan sebelum pandemik COVID-19 melanda. Sehingga kini, belum ada butiran jelas mengenai peringkat-peringkat levi ini bergantung pada nisbah kebergantungan warga asing, namun kami yakin kesannya dapat dikawal dan juga meningkatkan penggunaan sistem bangunan berindustri atau IBS, yang dapat mengurangkan keperluan tenaga buruh.

Keseluruhannya, kami berpandangan bahawa perancangan projek patut memberi aliran kerja berterusan kepada para kontraktor untuk tahun-tahun akan datang. Keadaan operasi yang menguntungkan, iaitu bekalan buruh yang mencukupi, dan trend harga bahan dan bangunan yang terkawal meletakkan para kontraktor pada kedudukan yang baik untuk memulakan projek-projek baharu. Pilihan Utama kami buat sektor pembinaan ialah Gamuda, Kerjaya Prospek (KPG MK, BELI, TP: MYR1.56), dan Sunway Construction. Risiko-risiko negatif: Penangguhan lanjut dalam pelancaran projek dan pengurangan kos projek-projek yang tidak diduga.

Adam Bin Mohamed Rahim +603 9280 8682

adam.mohamed.rahim@rhbgroup.com

Penjagaan kesihatan – Mengotakan janji

WAJARAN TINGGI

Dalam Belanjawan 2024, Kementerian Kesihatan menerima peruntukan paling besar dalam sejarahnya setakat ini dengan jumlah MYR41.2bn (+14% YoY), kerana Kerajaan menunjukkan komitmennya untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan penjagaan kesihatan, bersiap sedia untuk menghadapi masyarakat yang semakin tua, dan meningkatkan akses orang awam kepada kemudahan penjagaan kesihatan. MYR5.5bn (2023: MYR4.9bn) diperuntukkan untuk pemerolehan ubat-ubatan, vaksin dan produk siap. Kegusaran mengenai struktur yang berpecah antara sektor penjagaan kesihatan awam dan swasta mendapat perhatian tahun ini. Oleh itu, Kerajaan telah memperuntukkan MYR200j bagi menambah baik kerjasama dengan menghantar pesakit ke hospital-hospital lain termasuk hospital tentera, universiti dan awam.

Kerajaan juga khususnya menyebut tentang menyalurkan MYR766j bagi tujuan penambahbaikan dan pemerolehan peralatan perubatan. Perbelanjaan capex dan opex lain (melebihi MYR1bn) termasuk projek-projek di tanah baharu (greenfield) dan tanah

terbangun (brownfield), pengubahsuaian klinik-klinik lama dan pemerolehan peralatan perubatan. Namun begitu, peruntukan belanjawan untuk Majlis Pelancongan Penjagaan Kesihatan Malaysia (MHTC), tidak disebut. Sebelum ini, the MHTC diberi peruntukan MYR20j untuk 2023.

Kebajikan rakyat. Skim Perubatan Madani diberi MYR100j, yang bakal memanfaatkan 700,000 orang daripada segmen berpendapatan rendah. Hal ini secara amnya tidak berubah, susulan pelancaran rasmi program tersebut pada 15 Jun. Peruntukan belanjawan ini menunjukkan perbezaan yang ketara daripada MYR125j yang diberi kepada Kerajaan Negeri Selangor (buat penduduk negeri tersebut sahaja) bagi Skim Peduli Sihat atau SPS yang serupa ketika pelancarannya pada 2016.

Kesimpulannya, kami menjangkakan kesan limpahan yang kecil daripada kenaikan peruntukan belanjawan buat sektor penjagaan kesihatan, memandangkan kebanyakan dana akan disalurkan kepada sektor awam. KPJ Healthcare dan IHH Healthcare (IHH MK, BELI, TP: MYR6.90) akan terus mendapat manfaat daripada pemulihan pelancongan perubatan, kenaikan kunjungan pesakit dan juga kadar penggunaan katil atau BOR. Sementara itu, Duopharma Biotech (DBB MK, BELI, TP: MYR1.38) juga patut menerima manfaat daripada peruntukan belanjawan lebih tinggi untuk pemerolehan ubat-ubatan (kepada MYR5.5bn daripada MYR4.9bn untuk 2023). Kami kekalkan saranan WAJARAN TINGGI pada sektor ini, dan yakin Belanjawan 2024 tidak akan memberikan kesan ketara terhadap sektor. Pilihan Utama kami masih lagi KPJ Healthcare (KPJ MK, BELI, TP: MYR1.46).

Oong Chun Sung +603 9280 2181
chun.sung@rhbgroup.com

O&G – Tiada kejutan besar

WAJARAN TINGGI

Kerajaan menjangka Petronas akan terus tekad dengan dividen lebih rendah YoY sebanyak MYR32bn pada 2024 (2023: MYR35bn) meskipun dengan andaian purata harga minyak lebih tinggi iaitu USD85 setiap tong (2023: USD80 setiap tong, unjuran dalaman kami untuk 2024: USD85 setiap tong). Kami percaya jumlah ini masih munasabah dan berada dalam jangkaan, disokong oleh anggaran aliran tunai operasi yang mantap. Perkara ini sepatutnya tidak akan menjejaskan kunci kira-kira syarikat minyak kebangsaan ini – ia memiliki simpanan tunai bersih sejumlah MYR118bn setakat 2Q23 – serta perbelanjaan capex dan juga opex untuk tahun hadapan.

Berikutan cadangan “status khas” untuk industri petrokimia di Pengerang yang diumumkan dalam Belanjawan 2023, Kerajaan kini mencadangkan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang atau PIPC sebagai hab petrokimia dengan menawarkan pakej insentif cukai, seperti elaun cukai pelaburan dan kadar cukai khas. Hal ini mungkin akan memberi manfaat kepada syarikat-syarikat yang mempunyai pendedahan di Pengerang seperti Dialog (DLG MK, BELI, TP: MYR2.85) dan menggalakkan lebih banyak syarikat untuk menubuhkan loji-loji baharu.

Dengan hanya rasionalisasi subsidi untuk diesel secara berperingkat yang disebut, kami tidak menolak kemungkinan pelaksanaan subsidi bersasar pada RON95 akan dilancarkan seterusnya.

Secara keseluruhan, Belanjawan 2024 dilihat tidak memberi kesan pada sektor O&G. Kami kekalkan saranan WAJARAN TINGGI terhadap industri ini. Kami yakin penyedia perkhidmatan hulu – seperti syarikat penggerudian, syarikat berkaitan selenggaraan, dsb – patut menerima manfaat daripada peningkatan kegiatan dan penambahan peruntukan capex tempatan, di samping kadar perkhidmatan lebih baik yang akan datang.

Sean Lim CFA +603 9280 8867
sean.lim@rhbgroup.com

Hartanah – Garis panduan MM2H bakal dilonggarkan

WAJARAN TINGGI

Kami optimis apabila Kerajaan secara rasminya menyatakan garis panduan bagi MM2H akan dilonggarkan, meskipun ia tidak memberi penjelasan lanjut mengenai hal ini dalam Belanjawan 2024. Sebelum ini, laporan menyebut bahawa garis panduan yang lebih ketat menyebabkan bilangan pemohon MM2H jatuh 90%. Oleh itu, dengan syarat-syarat yang lebih mudah ini, projek-projek di Pulau Pinang, kawasan KLCC dan Mont' Kiara di Kuala Lumpur, dan juga wilayah Iskandar Malaysia (Johor) patut bakal menyaksikan potensi kenaikan, kerana kawasan-kawasan ini lazimnya menjadi tempat yang digemari untuk

membeli rumah dalam kalangan warga asing. UEM Sunrise (UEMS MK, BELI, TP: MYR0.92), Sunway (SWB MK, BELI, TP: MYR2.67), dan Eastern & Oriental (EAST MK, BELI, TP: MYR0.55) akan menjadi penerima manfaat daripada langkah baharu ini.

Beberapa dasar dan insentif baharu akan diperkenalkan bagi menarik pelaburan berkualiti dan menjadikan negara ini sebagai hab perkhidmatan strategik yang berimpak tinggi. Dengan sektor E&E yang berkembang pesat, Kerajaan dengan khususnya menyatakan rancangannya untuk membuka kawasan perindustrian berteknologi tinggi di Kerian di utara Perak. Usaha ini patut menggalakkan pertumbuhan pasaran perumahan di kawasan sekitarnya, dan Eco World Development (ECW MK, TIADA SARANAN) dan Tambun Indah (TILB MK, NEUTRAL, TP: MYR1.03) merupakan pemaju-pemaju yang memiliki projek di selatan Seberang Perai. Dalam 1-2 tahun akan datang, kami menjangkakan beberapa pemaju akan menerokai peluang mengumpul bank tanah di kawasan sekitar.

Kerajaan telah mencadangkan duti setem pada kadar tetap sebanyak 4% untuk dikenakan atas surat cara pindah milik yang dilaksanakan oleh syarikat-syarikat milik asing dan individu bukan warganegara. Hal ini terpakai untuk surat cara pindah milik pemilikan hartanah yang dilaksanakan mulai 1 Jan 2024. Kami berpendapat kadar duti setem rata ini tidak akan menghambat minat warga asing untuk membeli hartanah di Malaysia, terutamanya apabila wilayah Iskandar Malaysia patut memanfaatkan daripada pemangkin baharu ini, memandangkan kemajuan pembinaan Sistem Transit Laju (RTS) Johor Bahru-Singapura. Tambahan lagi, harga pembelian minimum bagi setiap hartanah untuk pembeli bukan warganegara ialah MYR1j, dan duti setem 4% merupakan kadar maksimum di bawah sistem berperingkat yang dilaksanakan sebelum ini bagi harga hartanah melebihi MYR1j.

Satu lagi perkara yang disebut ialah Kerajaan telah mengambil alih pembangunan Bandar Malaysia bagi memastikan tanah-tanah di lokasi strategik digunakan secara optimum bagi projek-projek berteraskan rakyat, termasuk pembangunan perumahan mampu milik dan memasukkan taman-taman dan ruang hijau demi manfaat penduduk di Lembah Klang. Kami tidak menolak kemungkinan bahawa sesetengah bidang tanah akan ditender pada masa hadapan.

Keseluruhannya, kami bersikap positif terhadap Belanjawan 2024, kerana garis panduan MM2H yang bakal disemak semula menguatkan lagi jangkaan kami bahawa dasar-dasar untuk merangsang pasaran hartanah melalui MM2H dan pelaburan asing langsung (FDI) akan diperkenalkan. Kami tetap optimis akan pasaran hartanah Iskandar Malaysia, kerana pembangunan prasarana pemangkin dan kemasukan FDI merupakan pemacu utama buat permintaan hartanah. Kami kekalkan saranan WAJARAN TINGGI terhadap sektor ini. Pilihan Utama sektor ialah UEM Sunrise, Sunway dan IOI Properties (IOIPG MK, BELI, TP: MYR2.10).

Loong Kok Wen, CFA +603 9280 8861
loong.kokwen@rhbgroup.com

Utiliti – Memperkasa masa hadapan

WAJARAN TINGGI

Menerusi peluncuran Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), Belanjawan 2024 dilihat menepati jangkaan kami kerana pihak Kerajaan terus-menerus memberikan tumpuan kepada usaha peralihan tenaga. Meskipun masih banyak maklumat terperinci yang belum diterima, dana benih berjumlah MYR2bn yang diberi oleh pihak Kerajaan dan institusi-institusi kewangan daripada pinjaman sokongan MYR200bn dapat membantu agar lebih banyak projek berkarbon rendah dilaksanakan. Selain itu, Program Tenaga Hijau Korporat atau CGPP yang diteruskan semula dan capaian pihak ketiga atau TPA yang lebih jelas seterusnya akan mengukuhkan peningkatan kapasiti tenaga boleh baharu (RE), dan dianggap sebagai unsur-unsur mustahak bagi memudahkan usaha mengeksport tenaga.

Seterusnya, pelanjutan Pemeteran Tenaga Bersih atau NEM, pembangunan program beli balik tenaga suria atas bumbung, dan tawaran model langganan “modal berkost sifar” akan menggalakkan lagi penggunaan tenaga suria bumbung di kawasan-kawasan perumahan. Sementara itu, pengurangan cukai tambahan sebanyak RM300 ribu untuk pengukuran, pelaporan dan pengesahan yang berkait dengan pembangunan projek karbon juga akan melancarkan lagi proses peralihan tenaga. Galakan-galakan cukai berkaitan RE, seperti Elaun Cukai Pelaburan Hijau (GITA) dan Pengecualian Cukai Pendapatan Hijau (GITE), sudah dikaji semula dan diperkemas dengan lebih baik. Tempoh galakan buat GITA dan GITE telahpun dipanjangkan dari tempoh tiga tahun kepada 5-10 tahun bergantung pada jenis kegiatan dan kapasiti yang terlibat.

Galakan cukai yang mungkin dijalankan buat projek-projek pengumpulan dan penyimpanan karbon dan hidrogen mendatangkan kesan baik buat pemain-pemain utama seperti Tenaga Nasional (TNB MK, BELI, TP: MYR12) dan Petronas, yang menerajui pengendalian projek-projek ini. Sebagai tambahan, penjanaan tenaga suria hibrid dan pembinaan rangkaian talian penghantaran yang dijalankan di wilayah selatan Sabah berkemungkinan tidak mendatangkan kesan yang ketara pada TNB.

Pada keseluruhannya, kami menegaskan semula pandangan kami bahawa syarikat penyedia perkhidmatan EPCC suria seperti Solarvest (SOLAR MK, BELI, TP: MYR1.55) dan Samaiden (SAMAIDEN MK, BELI, TP: MYR1.53) akan terus menerima manfaat daripada pelaksanaan NETR kelak. Dengan ini, kami mengekalkan saranan WAJARAN TINGGI untuk sektor utiliti.

Sean Lim CFA +603 9280 8867

sean.lim@rhbgroup.com

Automotif – Peluang terlepas dari genggam**NEUTRAL**

Di bawah Belanjawan 2024, terdapat skim untuk memberikan insentif kepada penggunaan motosikal elektrik dalam bentuk rebat bernilai sehingga MYR2,400 buat mereka yang berpendapatan MYR120,000 dan ke bawah setahun. Biarpun hal ini memberi sumbangan positif kepada pertumbuhan industri EV tempatan dengan menarik lebih ramai peserta dalam ekosistem ini, kami berpendapat kesannya terhadap syarikat-syarikat automotif di bawah liputan kami adalah rendah atau langsung tiada, memandangkan insentif ini disasarkan buat motosikal elektrik sahaja.

Pelanjutan pelepasan cukai pendapatan untuk prasarana pengecasan EV selama empat tahun dan juga pengurangan cukai pendapatan untuk kos sewaan EV selama dua tahun telah dicadangkan. Pelanjutan pelepasan cukai untuk prasarana pengecasan EV hanya menggalakkan pemasangan peralatan pengecasan EV swasta, dengan Kerajaan berhasrat untuk mencapai 10,000 stesen pengecasan menjelang 2025.

Tiada khabar mengenai reformasi cukai jalan EV, namun pengecualian cukai jalan EV masih berkuat kuasa sekarang hingga akhir 2025. Meskipun masih ada peluang untuk Kerajaan menilai dan menyemak semula rangka kerja cukai jalan EV sedia ada sebelum tamatnya tempoh pengecualian cukai, kami percaya sebarang kepastian yang diberi akan dihargai oleh pasaran.

Tiada usaha menyokong lagi pembuatan atau pemasangan EV secara tempatan (CKD), yang kami rasakan penting bagi memastikan harga kenderaan tersebut mampu dimiliki. Dengan harga asas MYR100 ribu untuk EV CBU berkuat kuasa hingga 2025, kami jangkakan pertumbuhan ketara dalam penggunaan EV hanya akan berlaku selepas tahun tersebut akibat kurangnya insentif baharu untuk mempromosikan pemasangan EV CKD.

Kenaikan kadar SST yang dicadangkan kepada 8% daripada 6% akan memberi kesan pada kos servis, pembaikan dan selenggaraan, terutamanya pada caj buruh kerana ia tidak terpakai untuk alat ganti kereta. Kami yakin kenaikan 2% adalah agak kecil dan mungkin tidak akan mempengaruhi pola perbelanjaan pengguna dengan ketara.

Secara keseluruhan, kami berpendapat kandungan Belanjawan 2024 tidak menarik buat sektor automotif memandangkan usaha-usaha yang disebut di atas tidak begitu agresif dari segi peningkatan penggunaan EV. Kami hampa kerana tiada insentif untuk menggalakkan lagi pemasangan tempatan EV CKD dan pemasangan stesen pengecasan awam. Pada waktu ini, kami tidak menjangkakan sebarang kesan positif jangka dekat daripada usaha-usaha ini terhadap syarikat-syarikat di bawah liputan kami. Maka, kami tidak mengubah ramalan kerana kami tidak menjangka usaha-usaha ini akan memberi kesan ketara terhadap perolehan. Kekal NEUTRAL terhadap sektor, dengan Bermaz Auto (BAUTO MK, BELI, TP: MYR3.45) sebagai Pilihan Utama.

Syahril Hanafiah +603 9280 8879
syahril.hanafiah@rhbgroup.com

Pengguna – Permulaan Bagi Sistem Subsidi Bersasar**NEUTRAL**

Kekal NEUTRAL terhadap sektor ini. Dalam Belanjawan 2024 kali ini, tiada maklumat yang memeranjatkan dan sebaliknya peruntukan lebih besar diberikan untuk bantuan kewangan secara tunai bagi membantu meringankan beban kumpulan berpendapatan rendah, iaitu sebanyak MYR10bn atau 25% lebih tinggi YoY ketimbang MYR8bn yang diumumkan pada Belanjawan 2023. Selain itu, bayaran insentif akan diberikan kepada penjawat awam. Kerajaan juga sedang mengkaji semula skim gaji dan elaun untuk penjawat awam tetap yang akan dimuktamadkan paling lewat akhir 2024 nanti. Cadangan-cadangan yang dinyatakan sebelum ini merupakan langkah-langkah biasa yang diambil dalam belanjawan sebelumnya, namun menjadi pendekatan berkesan untuk membantu menyokong perbelanjaan pengguna. Oleh itu, pihak yang menerima manfaat langsung daripada peruntukan ini ialah syarikat barangan asasi pengguna atau pengeluar makanan.

Dalam pengumumannya, Kerajaan menjelaskan bahawa ia menghentikan kawalan harga dan subsidi bagi barangan ayam itik, termasuklah ayam dan telur. Kami memandang neutral akan langkah ini kerana ASP dijangka diselaraskan selepas harga diapungkan untuk mengakhiri impak daripada penarikan subsidi. Namun begitu, kami jangkakan harga barangan ayam itik tidak akan menaik dengan rancaknya setelah mempertimbangkan trend harga komoditi dan dinamik bekalan-permintaan industri yang semakin baik dan terkawal. Oleh itu, permintaan sepatutnya terus bertahan kerana barangan ayam itik merupakan sumber protein yang paling murah.

Dalam hal yang berasingan, kenaikan cukai perkhidmatan kepada 8% daripada 6% diumumkan, namun pengecualian dibuat kepada perkhidmatan F&B dan telekomunikasi. Tindakan ini amat disambut baik kerana ia tidak menjejaskan perbelanjaan pengguna. Selari dengan perkara yang dibincangkan sebelum ini, Kerajaan berusaha untuk mewajarkan subsidi dengan menggunakan pendekatan lebih bersasar dengan mengagihkan subsidi untuk elektrik dan diesel. Namun, minyak RON95 tidak disebut, tetapi kami yakin pendekatan yang sama mungkin akan diperkenalkan nanti. Sementara itu, berhubung dengan cukai barangan mewah yang dinyatakan ketika Belanjawan 2023, Kerajaan berhasrat untuk mengenakan cukai 5-10% terhadap barangan bernilai tinggi seperti barangan kemas dan jam tangan. Akan tetapi, butiran setakat ini tidak mencukupi untuk kami menilai impaknya. Kenaikan cukai lain diumumkan termasuklah peningkatan kadar duti eksais untuk minuman manis kepada 50 sen seliter daripada 40 sen seliter.

Soong Wei Siang +603 9280 8865
soong.wei.siang@rhbgroup.com

M-REIT – Cukai Barangan Bernilai Tinggi bakal melanda pusat beli-belah mewah **NEUTRAL**

Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim berkata Kerajaan akan menggubal rang undang-undang baharu untuk mengenakan cukai 5-10% pada barangan bernilai tinggi tertentu, yang akan dibuat berdasarkan nilai ambang barangan tersebut. Walaupun kami perlu menanti butiran lanjut, Perdana Menteri Dato' Seri Anwar memetik barangan seperti barang kemas dan jam tangan sebagai contoh dalam ucapan Belanjawan 2024 beliau. Pelancong asing akan terkecuali daripada dikenakan cukai ini, supaya tidak menyekat pemulihan industri pelancongan.

Bagi REIT di bawah liputan kami, kami berpendapat Pavilion REIT (PREIT MK, BELI, TP: MYR1.46) dan KLCCP Stapled (KLCCSS MK, BELI, TP: MYR7.57) akan paling terkesan oleh cukai baharu ni kerana pusat-pusat beli-belah utama mereka di pusat bandar, yang menyasarkan pelanggan dari lingkungan pendapatan pertengahan hingga atas. Sesetengah perbelanjaan mungkin dibawa ke hadapan sebelum cukai ini dilaksanakan, terutamanya pada suku 4Q yang lazimnya kukuh. Namun begitu, jualan penyewa dalam jangka panjang mungkin terjejas. Sentimen terhadap kedua-dua REIT yang disebut di atas juga akan terjejas, sehingga adanya kejelasan lanjut mengenai kesan terhadap perolehan mereka.

Wan Muhammad Ammar Affan +603 9280 8869
ammaraffan@rhbgroup.com

Loong Kok Wen, CFA +603 9280 8861
loong.kokwen@rhbgroup.com

Perladangan – kurangnya impak daripada Belanjawan 2024 NEUTRAL

Ikhtiar-ikhtiar yang menjejaskan sektor perladangan termasuklah:

- i. Menjelang 2027, kawasan penanaman kepala sawit yang berusia tua (melebihi 25 tahun) bakal mencecah keluasan 560 ribu hektar dan hal ini akan mengganggu gugat produktiviti FFB dengan nilai kerugian mencecah sehingga MYR7bn. Untuk mengatasi masalah ini, pihak Kerajaan akan melancarkan Insentif Program Penanaman Semula Sawit melalui peruntukan sebanyak MYR100j. Galakan ini akan diberi dalam bentuk geran dan pinjaman kepada seramai 7,000 pekebun kelapa sawit kecil;
- ii. Peruntukan berjumlah MYR70j bagi meningkatkan tahap kelestarian industri minyak sawit dan juga memperkuat usaha dalam menempis Kempen Anti Minyak Sawit pada peringkat antarabangsa;
- iii. Bagi menggalakkan produktiviti barangan perladangan dan mengurangkan kebergantungan pada buruh asing menerusi langkah penggunaan penjenteraan dan automasi, seperti dron dan kenderaan swapandu. Skop galakan cukai untuk automasi akan diperkembang agar merangkumi sektor komoditi di bawah Kementerian Perladangan dan Komoditi dari 2023 hingga 2027.
- iv. Dalam usaha menggalakkan lebih banyak penyertaan syarikat korporat untuk mematuhi piawaian-piawaian ESG ke arah pembangunan mapan dan terangkum,

terdapat cadangan supaya pengurangan cukai dinaikkan kepada MYR50,000 bagi setiap tahun penilaian berdasarkan perbelanjaan berkaitan ESG dari YA2024-2027.

Syarikat-syarikat yang tersenarai tidak akan terjejas oleh galakan penanaman semula ini kerana ia hanyalah diberi kepada pemilik kawasan penanaman kecil. Sungguhpun begitu, langkah ini akan membantu menghidupkan semula profil ladang kelapa sawit yang kian menua di Malaysia. Menyentuh soal elaun MYR70j untuk kelestarian, penawaran ini akan memberikan manfaat baik buat syarikat yang turut serta dalam projek-projek lestari seperti loji biogas, kemudahan pengumpulan metana, dan projek sisa sawit. Memandangkan 98% kawasan penanaman kelapa sawit di Malaysia sudahpun diperakui dengan skim pensijilan Minyak Sawit Lestari Malaysia atau MPSO, galakan ini juga mampu menarik lagi 2% yang ada untuk turut sama-sama mendapatkan pensijilan.

Galakan cukai untuk bahagian automasi akan menjadi faktor positif kerana syarikat-syarikat tersenarai perlu berusaha untuk memperkenalkan teknologi baharu dan membuat pelaburan tinggi dalam peralatan baharu untuk penjenjeraan sejak krisis kekurangan buruh berlaku baru-baru ini. Memandangkan Kerajaan berhasrat untuk mengurangkan kebergantungan ke atas buruh asing, perkara ini akan menggalakkan syarikat untuk terus menggerakkan inisiatif penjenjeraan dengan lebih pesat. Pengurangan cukai untuk perbelanjaan pelaporan berkaitan ESG juga memberikan kelebihan kepada syarikat perladangan berikutan keperluan-keperluan pelaporan ESG yang lebih ketat untuk negara pengeksporn.

Kekal NEUTRAL terhadap sektor ini; Pilihan Utama: Ta Ann Holdings (TAH MK, BELI, TP: MYR4.10), Sarawak Oil Palms (SOP MK, BELI, TP: MYR2.85), dan IOI Corp (IOI MK, BELI, TP: MYR4.55). Kami tidak membuat sebarang pindaan pada ramalan kami kerana inisiatif-inisiatif ini dijangka tidak memberikan kesan yang nyata pada perolehan.

Hoe Lee Leng, +603 9280 8860

hoe.lee.leng@rhbgroup.com

Pengangkutan – Banyaknya pemberian insentif

NEUTRAL

